




|  |                                       |
|--|---------------------------------------|
|  <b>ipoh cargo terminal</b> | No Rujukan : PEKELILING ICT-OP-022019 |
|  | Tarikh Kkuatkuasa: 21 NOV 2019        |

## GARIS PANDUAN

### TATACARA PROSES PENGHANTARAN KONTENA MT DAN IMPORT DARI PELABUHAN KLANG KE IPOH MELALUI JALANRAYA

|  |   |
|--|---|
| <b>Disediakan Oleh</b>   | <b>Disahkan Oleh</b>  |
| Tandatangan:  | Tandatangan:  |
| Nama:<br>NORAZAM BIN OTHMAN  | Nama:<br>HJ HILMI BIN HASAN   |
| Jawatan:<br>PENOLONG PENGURUS OPERASI  | Jawatan:<br>KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF   |

## **SINGKATAN**

|      |   |                              |
|------|---|------------------------------|
| MT   | - | KONTENA KOSONG               |
| ICT  | - | IPOH CARGO TERMINAL SDN BHD  |
| FA   | - | EJEN PENGHANTARAN            |
| SA   | - | EJEN PERKAPALAN              |
| KTMB | - | KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD |

## 1.0 TUJUAN.

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara kerja bagi proses penghantaran kontena MT dan Import ke Ipoh melalui jalanraya.

## 2.0 TATACARA KERJA

### 2.1 Penghantaran Kontena MT

2.1.1 ICT Ipoh membuat permohonan kepada ICT Port Klang untuk mendapatkan kontena kosong yang perlu dibawa melalui jalanraya (*Round Trip - Haulier*).

2.1.2 ICT Port Klang akan memaklumkan maklumat kontena kosong yang perlu diambil kepada ICT Ipoh dan ICT Bahagian Gate Kompleks melalui e-mel.

2.1.2.1 Kuantiti Kontena

2.1.2.2 Saiz dan Gred Kontena

2.1.2.3 Operator Kontena

2.1.2.4 *Booking No*

2.1.2.5 Depoh

2.1.2.6 Nama FA / SA / Shipper

2.1.3 Sekiranya kontena kosong diambil dari terminal/Line 9, ICT Port Klang perlu mendapatkan pelepasan daripada Kastam untuk proses pengeluaran kontena daripada kawasan terminal.

2.1.4 Pihak ICT Ipoh perlu memaklumkan nombor kontena yang telah tiba di ICT Ipoh kepada ICT Port Klang melalui e-mel untuk rekod dan rujukan.

2.1.5 ICT Ipoh akan membuat permohonan kepada pihak haulier untuk penghantaran kontena MT ke ICT Ipoh samada daripada Line 9 atau daripada depoh-depoh di Port Klang.

2.1.6 ICT Port Klang akan memaklumkan maklumat kontena yang perlu diambil kepada pihak haulier seperti berikut: -

- 2.1.6.1 Kuantiti Kontena
- 2.1.6.2 Saiz dan Gred Kontena
- 2.1.6.3 Operator Kontena
- 2.1.6.4 Booking No
- 2.1.6.5 Pick Up Depoh
- 2.1.6.6 Nama FA / SA / Shipper
- 2.1.6.7 Depoh Penerimaan – ICT Ipoh

## 2.2 Penghantaran kontena berisi

2.2.1 Penghantaran kontena berisi melalui jalan raya adalah di atas sebab-sebab berikut: -

- 2.2.1.1 Kerosakan kepada kontena
- 2.2.1.2 Dagangan tidak stabil
- 2.2.1.3 Tidak dapat dibawa oleh pihak KTMB disebabkan masalah teknikal.

2.2.2 Pihak ICT Port Klang akan memaklumkan kepada pihak FA / SA / Shipper tentang kontena yang bermasalah yang tidak boleh dibawa melalui tren seperti yang tertera di dalam perkara 2.2.1

2.2.3 Pihak ICT Port Klang akan menghantar gambar dan laporan melalui e-mel kepada pihak FA / SA / Shipper untuk mendapatkan maklumbalas tentang keputusan penghantaran: -

2.2.3.1 Penghantaran dikendalikan oleh FA / SA / Shipper

2.2.3.2 Penghantaran dikendalikan oleh ICT

2.2.3.3 Segala maklumat pengangkutan dan maklumat pemandu perlu dimaklumkan kepada ICT Port Klang untuk tindakan selanjutnya.

2.2.4 Pihak Port Klang perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak kastam dan terminal pelabuhan untuk mengeluarkan kontena import.

2.2.5 Pertukaran gate pass dari KTMB ke haulier dan segala kos pertukaran gate pass akan ditanggung oleh pihak FA / SA / Shipper. Merujuk kepada perkara 2.12.1 dan 2.12.2.

2.2.6 ICT Port Klang akan memaklumkan kepada ICT Ipoh tentang penghantaran kontena berisi melalui jalan raya secara e-mel termasuk sekiranya memerlukan special equipment untuk aktiviti penurunan di Ipoh (Flat Rack & Over Height).

2.2.7 ICT Port Klang akan memaklumkan kepada pihak FA / SA / Shipper berkenaan jangkaan ketibaan kontena ke ICT Ipoh.

### **3.0 KUATKUASA**

Pekeliling ini akan berkuat kuasa serta merta.